

Kajian Analisa Kandungan Akhbar Terhadap Aspek Laporan  
Pemberitaan Penyiasatan Ke atas Empat Akhbar Harian Dan  
Mingguan Yang Terpilih Selama Dua Tahun Iaitu Dari Bulan  
Januari 1980 hingga Januari 1982.

Oleh:

BAHARUDIN ABDUL KADIR

Latihan Ilmiah ini untuk memenuhi syarat-syarat bagi  
Kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, Bahagian  
Komunikasi Massa, Universiti Sains Malaysia, Pulau  
Pinang 1982/83.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kajian Analisa Kandungan Akhbar Terhadap Aspek Laporan Pemberitaan Penyiasatan Ke atas Empat Akhbar Harian Dan Mingguan Yang Terpilih Selama Dua Tahun Iaitu Dari Bulan Januari 1980 Hingga Januari 1982.

Latihan Ilmiah ini diajukan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan untuk kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian.

Oleh:

Baharudin Abdul Kadir  
Komunikasi Massa 1982/83  
Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang  
Februari 1983

Penghargaan

TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA  
SEMUA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM  
MENJAYAKAN TESIS INI TERUTAMA  
PENSYARAH EN. MUSTAFA KAMAL ANUAR  
DAN RAKAN SEPERJUANGAN.

## Sinopsis

kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan untuk menganalisa isi kandungan akhbar ke atas bentuk pemberitaan penyiasatan sahaja.

Tesis ini mengandungi enam bab kesemuanya tidak termasuk lampiran dan rujukan. Bab pertama - Pendahuluan - menerangkan latar belakang persoalan dan sebab-sebab mengapa penulis memilih kajian ini. Bab Kedua - Resensi Buku - berkaitan dengan analisa buku-buku dan kajian-kajian yang telah dibuat oleh penyelidik mengenai tajuk yang sama. Dan bab Ketiga - Kaedah Penyelidikan - menerangkan kaedah yang diguna dalam kajian ini serta menjelaskan konsep-konsep yang diguna dalam kajian ini. Bab Keempat - Analisa Kajian - mengemukakan hasil-hasil penyelidikan yang dibuat dengan data-data dan jadual-jadual yang tepat. Ini disertakan juga dengan penghuraian dari penulis mengenai penemuan-penemuan tersebut. Kemudian Bab Lima - Penutup - memberi kesimpulan dan pandangan penulis mengenai penyelidikan yang dibuat. Dan disertakan dengan temuduga dengan editor akhbar mengenai permasalahan kajian ini. Akhirnya Bab Enam - Undang-Undang Akhbar - membincangkan mengenai akta-akta yang terlibat secara lansung dengan akhbar untuk pengetahuan wartawan terutama yang melibatkan diri dalam pemberitaan penyiasatan.

Sebagai kesimpulannya kajian penyelidikan akhbar ini adalah kerjaya latihan ilmiah yang menarik dalam meningkatkan lagi penyelidikan kewartawanan di negara ini. Tambahan pula penyelidikan ke atas pemberitaan penyiasatan ini merupakan yang pertama dan baru di Malaysia. Penyelidikan ke atas tajuk ini berkaitan dengan konsep kebebasan akhbar di Malaysia. Satu topik yang menjadi kegemaran dan perhatian pihak pemerintah dan pihak akhbar sendiri. Ringkasnya kajian penyelidikan ini boleh digunakan sebagai bahan ilmiah untuk mahasiswa komunikasi membuat kajian lanjutan mengenai tajuk yang sama.